Isu tatakelola antara siasatan awal ketirisan, penyelewengan

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kelemahan tatakelola adalah di antara aspek sering dikenal pasti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam siasatan awal terhadap ketirisan dan penyelewengan dialami sesuatu organisasi di negara ini.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abdul Halim Aman, berkata siasatan yang dijalankan pihaknya memberi tumpuan kepada tiga kategori mengikut Akta SPRM 2009, meliputi kesalahan rasuah mengikut Seksyen 16 dan 17, penyelewengan mengikut Seksyen 18 serta salah guna kuasa mengikut Seksyen 23.

"Selain itu, kita juga perlu menyiasat dari segi kelemahan tatakelola jika ia ada. Isu tatakelola ini adalah isu bersambung-sambung.

"Kebanyakannya, apabila penyiasatan dilakukan, hujung-hujungnya kita dapati kebanyakan jatuh kepada (kelemahan) tatakelola," katanya.

Abdul Halim menegaskan, kelemahan tatakelola perlu dilihat dalam konteks penambahbaikan dan pembetulan, bukannya terus dianggap sebagai bukti berlakunya kesalahan jenayah.

wajarnya, boleh memberi kesan kepada pengurusan peruntukan, termasuk menyebabkan berlakunya ketirisan kepada bajet asal yang diberikan kerajaan.

Katanya, keadaan itu menunjukkan kepentingan tatakelola yang baik bukan hanya dari aspek pematuhan prosedur, tetapi turut membabitkan usaha memastikan peruntukan awam digunakan sebagaimana sepatutnya.

"Ini adalah satu ketirisan kepada bajet asal yang dikemukakan atau diberikan oleh pihak kerajaan, yang sepatutnya diperbetulkan dan diatasi benda ini semua," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, apabila isu tatakelola dikenal pasti pada penghujung siasatan, SPRM akan mengambil langkah susulan dengan menghantar pasukan ke agensi, syarikat atau pertubuhan berkaitan bagi membantu mengatasi kelemahan itu.

Pada masa sama, beliau berkata, masyarakat, agensi kerajaan, syarikat dan pertubuhan perlu diberi kesedaran kepentingan tatakelola sebagai benteng bagi mengurangkan ketirisan.

Katanya, peranan media massa pula penting untuk menerangkan kepada masyarakat mengenai kepentingan tatakelola dan kesannya terhadap pengurusan dana serta keyakinan rakyat.



Pematuhan prosedur boleh jadi 'benteng' sorok kesalahan

Kuala Lumpur: Pematuhan prosedur tidak semestinya bermaksud sesuatu keputusan dalam sesebuah organisasi itu dibuat secara berintegriti, sebaliknya pada situasi tertentu ia berisiko dijadikan 'benteng' menyembunyi kesalahan secara memanipulasi agar kelihatan sah di atas kertas.

EKSLUSIF

Bekas Ketua Pengarah Jabatan Integriti dan Tadbir Urus Negara (JITN) di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Anis Yusal Yusoff, berkata manipulasi boleh berlaku jauh lebih awal sebelum sesuatu keputusan dibawa kepada jawatankuasa untuk kelulusan, termasuk melalui pemilihan maklumat, penentuan pilihan dan cara sesuatu cadangan diposisikan.

Beliau berkata, walaupun sesebuah organisasi mempunyai prosedur lengkap tetapi masih berisiko menghasilkan keputusan berat sebelah, sekiranya orang yang mempunyai kepentingan mampu mempengaruhi maklumat, menentukan siapa yang terbabit dalam proses membuat keputusan, mengehadkan pilihan dikemukakan atau membentuk naratif yang dibawa kepada jawatankuasa.

Katanya keadaan itu menyebabkan sesuatu keputusan kelihatan seperti dibuat secara bebas oleh jawatankuasa, sedangkan ruang membuat keputusan mungkin sudah dibentuk terlebih dahulu.

"Bayangkan sebuah jawatankuasa diberikan tiga pilihan. Secara formal, jawatankuasa bebas memilih tetapi bagaimana jika sejak awal seseorang telah menentukan apakah tiga pilihan tersebut?

"Bagaimana jika maklumat mengenai risiko satu pilihan dikecilkan, sedangkan manfaatnya dibesar-besarkan? Bagaimana jika alternatif yang lebih baik sengaja tidak dibentangkan? Jawatankuasa mungkin membuat keputusan melalui proses yang sah tetapi ruang keputusan mereka sebenarnya dibentuk terlebih dahulu.

"Inilah antara bentuk risiko tatakelola yang perlu diberi perhatian. Manipulasi tidak semestinya berlaku pada saat tandatangan terakhir dibuat. Ia boleh berlaku jauh lebih awal iaitu ketika maklumat dipilih, andaian ditentukan, penilaian dibuat, penasihat dilantik atau sesuatu cadangan dibingkaikan," katanya kepada *BH*.

Audit integriti

Anis Yusal yang kini berkhidmat sebagai Felo Utama di Institut Kajian Etnik (KITA) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), berkata pelaksanaan audit integriti tidak seharusnya terhad kepada persoalan sama ada sesuatu prosedur dipatuhi, sebaliknya perlu meneliti siapa yang membentuk proses, mengawal maklumat, mempengaruhi keputusan dan akhirnya mendapat manfaat.

Beliau berkata, pendekatan menyeluruh seperti itu penting terutama dalam organisasi besar yang lazimnya mempunyai pelbagai peringkat dalam proses membuat keputusan, termasuk jawatankuasa, lembaga pengarah, panel penilaian, pegawai teknikal dan penasihat.

Katanya, kewujudan banyak lapisan kelulusan juga tidak seharusnya dijadikan alasan untuk mengaburkan tanggungjawab sekiranya berlaku kelemahan, ketirisan atau keputusan yang menimbulkan persoalan.

"Apabila sesuatu kegagalan berlaku, kita mungkin mendengar 'ini keputusan jawatankuasa', 'saya hanya meluluskan berdasarkan syor', 'saya bergantung kepada penilaian teknikal', 'lembaga telah bersetuju' dan 'semua prosedur telah dipatuhi'.

"Akhirnya kita berhadapan keadaan yang ganjil iaitu keputusan dibuat, wang dibelanjakan, pihak tertentu memperoleh manfaat, organisasi mengalami kerugian, tetapi tiada seorang pun dianggap benar-benar bertanggungjawab.

"Prinsip keputusan kolektif tidak sepatutnya menghapuskan akauntabiliti individu. Kita perlu melihat bukan sahaja siapa yang mengundi atau menandatangani keputusan akhir, tetapi juga siapa yang memulakan cadangan.

"Ia termasuk melihat siapa yang menyediakan maklumat, menentukan parameter penilaian, memilih penasihat, membuat representasi kepada jawatankuasa dan mempunyai kepentingan terhadap hasil keputusan tersebut. Dengan kata lain, jejak pengaruh sama pentingnya dengan jejak kelulusan," katanya.

Bagaimanapun, Anis berkata, tidak semua kelemahan tatakelola boleh dianggap sebagai rasuah dan tidak semua keputusan yang menyebabkan kerugian membuktikan berlakunya penyelewengan.